

74. Tidak semua koleksi karya-karya layak mendapat hakcipta. Koleksi yang layak cuma koleksi yang dilihat dari susunan penggunaan daya intelek kandungan dan pemilihannya yang menunjukkan hasil karya intelek. Ini bererti, perlu dibuktikan penggunaan daya intelek dalam membuat penyusunan sesebuah koleksi. Boleh juga dirujuk di dalam kes *Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd v Cahaya Suria Baru dan Alat Tulis* [1989] 1 MLJ 386.
75. *Akta Hakcipta 1987*, sek. 13 (1).
76. [1916] 2 Ch 601.
77. [1979] FSR 145.
78. [1976] RPC 151.
79. [1981] All ER 1057.
80. [1983] FSR 545
81. *Akta Hakcipta 1987*, sek. 36 (2).

hartanya di mana beliau boleh menggunakan sebagaimana yang dikehendaki. Penggunaan secara tidak sah tanpa kebenaran merupakan satu kesalahan.

Seiring dengan pengiktirafan sebagai harta ini, Mr. Laksman Kadirgaman di dalam kertas kerjanya sempena *Law Asia Seminar on Industrial Property* anjuran *World Intellectual Property Organization (WIPO)* membahagikan harta kepada tiga jenis iaitu harta alih, harta tak alih dan harta intelek.² Pemunya kepada setiap harta ini dikatakan mempunyai hak dan autoriti eksklusif di sisi undang-undang. Penggunaan tanpa autoriti yang sah bererti telah melakukan kesalahan di sisi undang-undang.

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan harta intelek? Harta Intelek ialah dua gabungan perkataan iaitu harta dan intelek. Menurut Kamus Dewan, harta bermaksud barang-barang berharga yang dipunyai oleh seseorang.³ Manakala intelek pula bermaksud kemampuan daya berfikir dan memahami (menganalisa dan lain-lain). Seseorang yang mempunyai kemampuan yang tinggi untuk berfikir dan menggunakan akal pula dikenali sebagai intelektual.⁴ Oleh yang demikian, harta intelek boleh difahami sebagai apa-apa yang mempunyai nilai harga yang dihasilkan dengan kemampuan daya berfikir seseorang. Sebagai pencipta, maka beliaulah pemunya kepada hasil ciptaannya.

Di samping itu, pada lazimnya masyarakat lebih memahami harta intelek sebagai semua jenis benda atau bahan yang terhasil daripada otak dan fikiran

seseorang seperti ide, kesusasteraan, sajak, sebarang ciptaan baru, reka bentuk, mikro komputer dan lain-lain lagi. Ciptaan-ciptaan ini pula mestilah sesuatu yang asli.⁵

Jika ditinjau dari perspektif undang-undang pula, harta intelek secara formalnya lebih memfokuskan kepada hak-hak yang dinikmati dan diperolehi terhadap apa-apa yang dihasilkan oleh kebijaksanaan akal fikiran berbanding ciptaan yang dihasilkan itu sendiri.⁶ Dalam erti kata lain, harta intelek dari aspek undang-undang lebih tertumpu kepada hak-hak dalam menikmati hasil ciptaan, bukan ciptaan itu sendiri. Sebagai contohnya, sebuah kereta rekaan seseorang dianggap sebagai harta. Anggapan sebagai harta ini dibuat bukan kerana fizikal kereta itu, malah kerana penciptanya mempunyai hak terhadap kereta tersebut seperti hak untuk mengguna, menjual, menyewa dan lain-lain. Menikmati hak-hak yang diberikan itulah yang menjadi asas kepada pengiktirafan sebagai harta.

Tegasnya, harta intelek ialah satu hak yang sah di sisi undang-undang yang diberikan sebagai menghormati apa-apa yang telah dihasilkan daripada keintelektualan dan kebijaksanaan seseorang. Hak di sisi undang-undang ini ialah satu konsep dan tidak berbentuk benda atau bahan. Ia merujuk kepada sesuatu yang boleh dimiliki dan dipunyai oleh seseorang. Ertinya, ia memberi hak untuk mempunyai, mengguna dan lain-lain yang tidak boleh dimiliki dan tidak boleh diguna oleh orang lain tanpa kebenaran.⁷ Sebagai contoh, syarikat rakaman mempunyai hak untuk menahan atau menyekat syarikat rakaman lain atau

individu yang lain daripada membuat salinan rakaman suara yang telah dirakamkan oleh syarikat tersebut. Dengan ini, karya yang mendapat pengiktirafan sebagai harta intelek memberikan hak dan autoriti kepada seseorang pencipta karya untuk menikmati sepenuhnya hasil karya yang dibuat berdasarkan keintelektualan sendiri.⁸ Jadi, dapat dirumuskan di sini bahawa harta intelek ialah satu terma yang digunakan bagi perlindungan yang diberi oleh undang-undang untuk ciptaan yang mempunyai nilai dagangan yang telah dihasilkan oleh manusia melalui kebijaksanaan daya fikiran.

2.2 Undang-undang Harta Intelek

Umumnya, harta intelek mendapat perlindungan undang-undang dan dikenali sebagai undang-undang harta intelek. Undang-undang harta intelek bermaksud sekumpulan hak dan kewajipan yang termasuk di dalam kawalan harta intelek.⁹ Ini bererti pemunya atau pencipta mempunyai kuasa eksklusif yang tertentu sebagaimana yang digariskan oleh undang-undang untuk mengawal apa-apa yang berkaitan dengan harta inteleknya¹⁰ yang terhasil daripada pemikiran, kreativiti dan usaha-usaha inteleknya. Hak-hak ini termasuklah hak menghalang secara sah terhadap sebarang penyelewengan dan pengeksplotasian yang dilakukan ke atas karyanya.

Begitupun, tidak semua ciptaan atau rekaan seseorang berdasarkan keintelektualan itu dikatakan sebagai mendapat perlindungan harta intelek. Sebagai contohnya, kerusi dicipta oleh manusia dengan kebijaksanaannya. Ia diiktiraf sebagai harta alih kepada seseorang jika dimiliki tetapi bukan harta intelek walaupun dicipta dengan daya kebijaksanaan. Ini kerana undang-undang tidak menyediakan hak kepada pemunya untuk menghalang kegunaan umum tanpa sebarang bayaran kepada pemunya atau menghalang penggunaan secara tidak sah oleh seseorang yang lain.

Ahli perundangan telah mengenal pasti beberapa jenis harta intelek berdasarkan ciri-cirinya yang terhasil daripada keintelektualan seseorang. Namun, pada hakikatnya, ia adalah fleksibel tanpa terhad kepada apa yang disenaraikan oleh ahli perundangan sahaja. Malah, ia sebenarnya menerima pertambahan dan perkembangan sejajar dengan kemajuan dan pembangunan negara serta masyarakat. Apa yang perlu ialah ianya mesti diperuntukkan di dalam Undang-undang sebagai tanda pengiktirafan.

Antara yang termasuk di dalam kategori harta intelek pada hari ini ialah ciptaan-ciptaan baru (invention), paten, hakcipta, cop dagangan, reputasi, kesenian, mikro kumputer, penemuan saintifik, reka cipta industri dan lain-lain. Skop harta ini telah didefinisikan di dalam artikel (2) (VII), sempena sebuah konvensyen yang dikenali sebagai “Convention Establishing the World Intellectual Property Organization (WIPO), on 14th July 1967.”¹¹

Justifikasi kepada keperluan undang-undang harta intelek ialah:

1. Undang-undang harta intelek memberikan perlindungan kepada hak semula jadi individu terhadap hartanya, hasil daripada usaha yang dilakukan sama ada harta itu harta alih, harta tak alih atau harta intelek.
2. Undang-undang harta intelek memberikan keadilan kepada individu untuk menikmati hasil usahanya. Adalah tidak adil kepada pencipta sekiranya orang lain yang mendapat keuntungan daripada usahanya. Di dalam kes *Miller v Tailor*,¹² Wiles J menyebut:

"It is not agreeable to natural justice that a stranger should reap the beneficial pecuniary produce of another man's work".

Di samping itu, dengan perlaksanaan keadilan ini, individu terbabit akan terus bermotivasi untuk menghasilkan ciptaan yang lain lagi.

3. Dengan adanya perlindungan undang-undang, individu yang terlibat sebagai pencipta akan mendapat manfaat sama ada manfaat ekonomi ataupun manfaat bukan ekonomi. Mereka akan selalu terdorong untuk meneruskan aktiviti kreatif jika ada disediakan insentif yang didapati daripada jaminan hak milik di samping menjamin keselamatan terhadap apa yang telah dilaburkan sama ada masa, tenaga, kemahiran atau lain-lain pelaburan.
4. Perlindungan undang-undang akan menjamin hak moral pencipta harta intelek.¹³

:

2.3. Unsur-unsur utama harta intelek

Merujuk kepada definisi harta intelek dan perbincangan mengenainya sebelum ini, jelas bahawa harta intelek mempunyai empat unsur yang utama:

- a) Harta intelek adalah satu hasil usaha.

Harta intelek ialah hasil daripada usaha yang gigih dan penat lelah seseorang dengan menggunakan kecerdikan akal dan fikiran. Penggunaan akal dan fikiran dianggap sama dengan menghasilkan harta yang lain dengan menggunakan tenaga empat kerat yang ada pada manusia. Sebagai hasil usaha seseorang, harta intelek mendapat tempat yang sama sebagaimana harta alih dan harta tak alih yang lain untuk dihormati dan tidak dicerobohi tanpa autoriti yang sah.

- b) Mempunyai nilai dan harga.

Harta intelek adalah sesuatu yang bermilai dan berharga di mana ia boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan dalam bentuk kewangan melalui sebarang bentuk urus niaga sebagaimana harta alih dan tak alih. Pulangan kewangan ini sejajar dengan usaha yang dilakukan dengan penuh komitmen

- c) Boleh dikuasai dan dikawal.

Harta intelek boleh dikawal dan dikuasai sebagaimana juga harta alih dan tidak alih kerana ia perlu dijadikan dalam bentuk bahan. Di samping itu, dengan pengiktirafan undang-undang bererti pemunya diberi hak mutlak untuk menguasai hasil usaha mereka. Penguasaan dan kawalan daripada pihak pemunya dapat menghalang daripada berlakunya pengeksplotasian dan penyelewengan yang tidak sihat agar keadilan terjamin di kalangan

masyarakat. Kawalan dan penguasaan ini pula lebih terjamin kerana ianya dibawah pengkuasaan undang-undang.

- d) Boleh dimanfaatkan sama ada oleh pemunya atau masyarakat.

Harta intelek boleh mendatangkan manfaat yang besar kepada pemunya. Sebagai sesuatu yang bernilai dan berharga disebabkan boleh menghasilkan pulangan kewangan, pemunya akan mendapat manfaat yang besar bagi mendapatkan pulangan ekonomi yang baik untuk diri dan keluarga. Ia boleh menjadi sumber rezeki yang utama dan boleh dilakukan secara sepenuh masa. Adalah menjadi suatu perkara yang menyediakan apabila seseorang itu penat berkarya tetapi hasil titik peluhnya tidak berbayar. Malah sebaliknya orang lain yang mendapat keuntungan. Pemberian taraf harta intelek ini adalah satu pengiktirafan kepada pencipta sebagai tuan punya kepada harta yang diperolehi dengan hasil usahanya sendiri selama ini. Dengan ini, ia menjadi asas penting ke arah penyumbangan intelek dan budaya di samping menggalakkan kreativiti. Kesannya, ide-ide harta intelek ini boleh dikongsi bersama oleh masyarakat untuk manfaat dan maslahah umum.

2.4 Definisi hakcipta.

Kesinambungan daripada definisi harta intelek sebelum ini jelas bahawa hakcipta adalah termasuk di dalam kategori harta intelek yang diberi perlindungan undang-undang. Walau bagaimanapun, pada awalnya telah wujud pertikaian sama ada hakcipta boleh dikategorikan sebagai harta intelek atau tidak. Namun begitu,

Akta Hakcipta 1956 telah membuat konklusi bahawa hakcipta adalah harta.¹⁴ Ini disokong pula oleh The Copyright, Design and Patents Act 1988. Undang-undang Inggeris pula mengkategorikannya sebagai harta persendirian atau harta personal.¹⁵

Dari segi bahasa sebagaimana dirujuk di dalam Kamus Dewan, hakcipta bermaksud hak kekuasaan yang dilindungi undang-undang atas seluruh atau sebahagian daripada hasil ciptaan pengarang, pencipta, pengubah dan lain-lain.¹⁶ Dari aspek undang-undang pula, hakcipta ialah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang kepada pencipta atau penerima haknya untuk mengawal pengeluaran semula atau pelbagai bentuk penggunaan karya berkenaan bagi sesuatu tempoh.¹⁷ Dalam tafsiran yang lain pula, hakcipta bermaksud para pencipta karya mempunyai hak kepunyaan terhadap karya-karya mereka.¹⁸ Ini bermakna hakcipta ialah harta pencipta dan berhak dilindungi. Sebarang peniruan hasil karya asal mesti terlebih dahulu mendapat keizinan daripada pencipta asal.

Akta Hakcipta 1987 tidak pula mentafsirkan hakcipta dengan jelas. Seksyen 3 Akta 1987 cuma mentafsirkan hakcipta dengan erti hakcipta di bawah kuasa Akta ini. Begitupun, The English Copyright Act 1956 di bawah peruntukan sek. 1(1) telah mentafsirkan hakcipta sebagai hak-hak eksklusif yang diberikan disebabkan sesuatu yang tertakluk kepada peruntukan Akta tersebut untuk melakukan sesuatu yang berkaitan dengan hasil karya dan ciptaan di United Kingdom atau di mana-mana negara yang menerima pakai peruntukan tersebut.

Oleh kerana undang-undang hakcipta di Malaysia juga diambil daripada undang-undang Inggeris, maka persoalan mengenai pentafsiran juga boleh dirujuk kepada undang-undang Inggeris.

Walaupun sek. 3 tidak mentafsirkan hakcipta dengan jelas, tetapi ia tetap memberikan perlindungan kepada hakcipta. Namun begitu, cuma karya-karya tertentu sahaja yang disenaraikan di dalam Akta 1987 mendapat perlindungan hakcipta. Karya-karya tersebut ialah karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman bunyi dan siaran.¹⁹

Karya-karya hakcipta yang mendapat perlindungan undang-undang sebagaimana yang dinyatakan oleh Akta 1987 walau bagaimanapun tertakluk kepada kriteria dan syarat-syarat yang dikehendaki oleh akta tersebut. Hak-hak yang diberi oleh undang-undang tersebut termasuklah:

- 1) Hak pengeluaran semula karya-karya atau salinan kepada umum.
- 2) Hak untuk menjual atau membahagikan salinan kepada umum
- 3) Hak untuk menghasilkan karya-karya baru berdasarkan karya yang dilindungi.
- 4) Hak untuk mempersembahkan hakcipta kepada awam seperti persembahan pentas dan lain-lain.²⁰

Sebagai contohnya, pencipta hakcipta ialah orang yang berhak untuk mengendalikan hakciptanya. Jika seseorang yang lain telah menggunakan hakciptanya secara salah, pemunya berhak untuk mendakwanya dan menuntut gantirugi terhadap apa-apa kerugian yang dialami. Apabila dikatakan hakcipta mendapat perlindungan bererti mahkamah boleh campur tangan sekiranya berlaku pengeksplotasian secara salah untuk kepentingan ekonomi peribadi seperti cetak rompak di bawah karya perlindungan hakcipta.²¹ Perlindungan ini mula berkuatkuasa sebaik sahaja ia diwujudkan tanpa memerlukan kepada sebarang bentuk formaliti seperti pendaftaran dan sebagainya.²²

2.5 Undang-undang Hakcipta di Malaysia

Undang-undang utama terpakai di Malaysia berhubung dengan hakcipta ialah Akta Hakcipta 1987. Akta ini memansuhkan dan menggantikan Akta Hakcipta 1969. Menurut Akta Hakcipta 1987, hakcipta hanya wujud pada mana-mana karya yang telah diperuntukkan di dalam Akta ini sahaja. Namun, ini tidak bermakna bahawa perlindungan hakcipta hanya terhad kepada apa yang disenaraikan sahaja. Pindaan akan dibuat dari semasa ke semasa sekiranya penambahan karya yang lain lagi untuk tujuan keadilan dan kemaslahatan manusia dirasakan perlu dibuat. Karya hakcipta akan sentiasa bertambah dan berkembang selaras dengan kemajuan dan pembangunan Sains dan Teknologi di samping perkembangan daya keintelektualan manusia terutama pada era maklumat terkini.

Akta 1987 terpakai di seluruh Malaysia.²³ Ia juga terpakai pada karya-karya yang dicipta sebelum penguatkuasaan akta ini sebagaimana juga ia terpakai kepada karya-karya yang dicipta selepas penguatkuasaan akta ini.²⁴ Ini bermakna, jika sesuatu perlanggaran dilakukan tetapi sebelum kuatkuasa akta ini, ia tidak dikira sebagai menyalahi undang-undang dan melakukan perlanggaran hakcipta.²⁵ Perlanggaran hanya berlaku jika dilakukan selepas bermulanya kuatkuasa akta ini.

2.6 Objektif undang-undang hakcipta.

Kenapa hakcipta diberi perlindungan undang-undang? Umumnya, undang-undang hakcipta ini memastikan bahawa hak eksklusif seseorang pencipta ke atas hakciptanya tidak diganggu gugat oleh orang lain dengan melakukan perlanggaran hakcipta. Hak eksklusif pencipta ini dihormati demi untuk keadilan dalam masyarakat. Objektif kepada undang-undang hakcipta ini secara khususnya dibahagikan kepada dua objektif utama iaitu objektif dari aspek ekonomi dan aspek moral.

2.6.1 Objektif dari aspek ekonomi.

Aktiviti mencipta sesuatu karya hakcipta ialah satu aktiviti yang menghasilkan pulangan yang bernilai dan berharga. Ia boleh menjadi sumber ekonomi dan punca pendapatan hidup kepada seseorang pencipta. Di samping itu,

ia juga melibatkan perbelanjaan yang besar selaras dengan kecanggihan teknologi moden yang digunakan bagi menghasilkan sesuatu karya hakcipta. Oleh itu, sudah tentu pencipta menaruh harapan agar karya hakcipta tersebut boleh mendatangkan hasil yang lumayan, setimpal dengan modal yang dibelanjakan. Dengan ini, undang-undang hakcipta diperlukan bagi menjamin urusniaga yang berkait dengan hakcipta mendatangkan keuntungan kepada pihak terlibat.

Tegasnya, perlindungan terhadap hakcipta dari aspek ekonomi ini adalah bersifat material, di mana ia memastikan pencipta hakcipta mendapat pulangan dalam bentuk kewangan atau kebendaan, bukan untuk melindungi hasil ciptaan dan budaya. Dalam bahasa yang lain, pencipta mendapat pulangan dari segi ekonomi.²⁶ Tanpa perlindungan undang-undang terhadap hakcipta, pihak yang terlibat tidak akan berani untuk menanggung risiko kerugian akibat daripada pengeksploitasi yang dilakukan dengan hanya menggunakan perbelanjaan yang kecil sahaja berbanding dengan karya asal. Sebagai contohnya, pembangunan industri perisian dan multimedia di Malaysia bergantung kepada budaya dan pandangan masyarakat untuk menghormati harta intelek. Tiada individu yang siuman akan membangunkan perisian jika sebelum pelancarannya, versi cetak rompak sudah memenuhi rak di kedai-kedai dan di kaki lima.

Seterusnya, perlindungan undang-undang ini akan menggalakkan pertumbuhan industri multimedia, penerbitan, percetakan dan sebagainya kerana

perniagaan akan terjamin di mana terjaminnya pemberian royalti yang banyak dan ini mendorong semangat untuk terus berusaha dan mencuba.

2.6.2 Objektif dari aspek moral.

Selain daripada aspek ekonomi, undang-undang hakcipta juga bertujuan untuk memberikan perlindungan terhadap hak moral. Perlindungan ini memberikan galakan kepada pencipta untuk terus berkarya dan menyumbang kepada perkembangan intelek dan budaya. Para pencipta diiktiraf sebagai pemunya dengan pemberian hak eksklusif untuk berurusan dengan karya ciptaan mereka sebagaimana yang dikehendaki. Hak yang diberikan terbahagi kepada dua iaitu hak paternity²⁷ dan hak integrity.²⁸ Kedua-dua hak ini diperuntukkan dengan jelas di dalam Akta 1987 di bawah sek. 25 (2a) dan 25 (2b). Pengiktirafan sebagai pemunya yang berkuasa eksklusif ini sebagai pertanda bahawa hasil usaha mereka dihargai. Hal ini menjadi dorongan untuk terus berkarya, mencapai satu tahap kualiti yang maksimum seiring dengan bakat dan keupayaan yang ada. Perkembangan ilmu, intelek dan budaya negara akan terus terserlah tanpa sebarang sekatkan.

2.7 Pra syarat kelayakan hakcipta.

Tegasnya, perlindungan hakcipta di Malaysia tidak memerlukan kepada sebarang bentuk formaliti seperti pendaftaran. Ia diperolehi secara

serta-merta jika syarat dan keperluan yang ditetapkan di dalam Akta 1987 dipenuhi. Hal ini selaras dengan peruntukan sek. 6 yang menyebut bahawa:

"Tertakluk kepada Akta ini, tiada hakcipta boleh wujud kecuali menurut kuasa Akta ini."

Pra syarat kelayakan asas yang mesti dipenuhi adalah seperti berikut;

2.7.1 Penciptanya mesti orang yang berkelayakan.

Pra syarat pertama ini dinyatakan dengan jelas di bawah peruntukan sek. 10 (1):

"Hakcipta wujud di dalam tiap-tiap karya yang layak mendapat hakcipta yang mana pencipta atau dalam karya ciptaan bersama mana-mana daripada pencipta itu adalah seorang yang berkelayakan semasa karya itu dibuat".

Apa yang dimaksudkan dengan orang yang berkelayakan telah dijelaskan di dalam sek. 3 Akta 1987 iaitu:

1. *Berhubung dengan individu: Ertinya warganegara Malaysia²⁹ atau pemustautin tetap di Malaysia.*
2. *Berhubung dengan sesuatu pertubuhan perbadanan: Ertinya pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan atau diberikan keperibadian undang-undang di bawah undang-undang Malaysia.*

Sebagai rumusan kepada tafsiran orang yang berkelayakan di atas bererti setiap rakyat Malaysia atau pemustautin di Malaysia layak mendapat hakcipta bagi karya-karya yang disenaraikan di bawah sek. 7 (1). Selain daripada itu,

perbadanan atau syarikat yang ditubuhkan di Malaysia juga layak mendapat hakcipta bagi karya yang sama.

Selaras dengan perkembangan pemakaian Akta 1987 yang berasaskan kepada negara-negara yang menganggotai Konvensyen Berne bermula 1 Oktober 1990, orang yang berkelayakan juga termasuk rakyat atau pemastautin tetap atau Institusi badan korporat yang ditubuhkan di negara yang menjadi ahli kepada Konvensyen Berne untuk perlindungan kepada sastera dan ciptaan seni.

Hal ini dijelaskan lagi dengan keputusan hakim di dalam kes *Lee Yee Seng v Golden Star Video Bhd*.³⁰ Apa yang menjadi persoalan utama di dalam kes ini ialah sama ada orang yang bukan berkelayakan menurut seksyen 3 Akta 1987 berhak mendapat perlindungan hakcipta di Malaysia di mana pencipta bukan warga negara Malaysia dengan bersandarkan kepada peruntukan sek. 3 tersebut. Hakim N.H Chan memutuskan bahawa pencipta bukan rakyat Malaysia dan bukan pemastautin tetap di Malaysia. Oleh itu, beliau tidak berkelayakan di bawah tafsiran orang berkelayakan. Begitupun, pencipta dari luar negara boleh mendapat hakcipta walaupun tidak mempunyai kerakyatan Malaysia dengan syarat beliau dapat membuktikan bahawa karyanya mula-mula diterbitkan di Malaysia.

2.7.2 Penerbitan pertama dilakukan di Malaysia

Berhubung dengan pra syarat kelayakan juga, sesuatu karya itu turut mendapat perlindungan hakcipta walaupun bukan dari orang yang berkelayakan dengan syarat penerbitan pertama dilakukan di Malaysia. Sek. 4 (3) Akta 1987 memperuntukan bahawa apa yang dimaksudkan dengan penerbitan pertama ialah sesuatu karya itu mula-mula diterbitkan di Malaysia, tidak di tempat lain. Karya-karya warganegara asing juga diiktiraf dan masih dikira penerbitan pertama di Malaysia jika ia diterbitkan di Malaysia dalam masa tiga puluh hari selepas penerbitan dibuat di tempat lain.

Hal ini jelas diputuskan oleh mahkamah di dalam kes *Foo Loke Ying v Television Broadcast Limited & Anor*.³¹ Isu yang dipertikaikan ialah sama ada filem yang dibuat di Hong Kong berhak mendapat hakcipta di Malaysia. Mahkamah memutuskan bahawa filem ini berhak mendapat hakcipta berdasarkan sek. 4 (3) (b) kerana penerbitan di Malaysia bagi filem tersebut telah dibuat dalam tempoh 30 hari dari penerbitan awal yang dilakukan di Hong Kong. Begitu juga di dalam kes *Lee Yee Seng*. Hakim memutuskan bahawa defenden boleh diiktiraf mendapat perlindungan hakcipta jika dapat membuktikan bahawa karyanya diterbitkan di Malaysia.

Walau bagaimanapun, peruntukan sek. 4 (3) (b) tidak terpakai bagi rakyat negara asing yang menganggotai Konvensyen Berne, malah cuma terpakai bagi

yang tidak menyertai Konvensyen Berne dan World Intellectual Property Organisation (WIPO) sahaja.

Maksud Penerbitan

Apa yang dimaksudkan dengan penerbitan bagi karya muzik, sastera atau seni ialah apabila satu atau beberapa salinan karya telah disediakan dengan persetujuan pencipta atau orang yang ada kuasa sah untuk memenuhi keperluan-keperluan awam yang munasabah sama ada melalui jualan atau sebaliknya.³²

Bagi filem, ia disifatkan sebagai telah diterbitkan jika satu atau beberapa salinan filem telah dijual, disewa, ditawarkan atau didedahkan untuk jualan atau sewaan dengan persetujuan pencipta atau kuasa sah yang lain untuk memenuhi keperluan awam yang munasabah.³³

Bagi rakaman bunyi, ia disifatkan sebagai telah diterbitkan apabila satu atau beberapa salinan telah disediakan dengan persetujuan pencipta atau kuasa sah yang lain untuk memenuhi keperluan awam yang munasabah.³⁴

Dengan pengertian penerbitan berdasarkan Akta 1987, boleh dirumuskan beberapa perkara utama yang berhubung rapat dengan penerbitan :

1. Penerbitan mesti berdasarkan kepada persetujuan pencipta atau pemunya hakcipta atau dengan persetujuan seseorang atau sesuatu badan yang diberi kuasa sah oleh pihak pemunya untuk menerbitkan karya. Penerbitan tanpa persetujuan adalah tidak sah di sisi undang-undang Malaysia.
2. Karya tersebut telah didapati oleh orang awam yang berminat untuk memiliki karya sama ada secara belian, sewaan dan lain-lain transaksi urus niaga yang sah.
3. Pertunjukan karya atau pameran karya pula tidak dikira sebagai penerbitan, maka ia tidak mendapat perlindungan hakcipta.
4. Satu atau beberapa salinan sudah mencukupi bagi mewujudkan penerbitan yang sah sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Merujuk kepada kes *Francis Day Hunter v Feldman*,³⁵ satu karya lagu ciptaan seorang rakyat Amerika yang berjodol “*You made me love*” telah diterbitkan secara serentak di New York dan di London pada 5 May 1913. Pihak pemunya yang diwakili oleh plaintif telah meletakkan beberapa salinan untuk jualan di London, satu salinan untuk British Museum dan empat salinan kepada agen pihak universiti yang bertindak sebagai perpustakaan pemegang simpanan. Hasil usaha gigih menyebabkan pihak plaintif mendapat hakcipta bagi keseluruhan

Empire British dan mendapat jualan terbanyak. Pihak plaintif kemudiannya mendakwa telah berlaku perlanggaran hakcipta oleh defendant. Persoalan utama yang dipertikaikan di mahkamah ialah sama ada wujud penerbitan pertama di England. Hakim memutuskan bahawa wujud penerbitan pertama di England dan perlindungan hakcipta diberikan. Alasannya ialah kerana dengan meletakkan enam salinan untuk memenuhi keperluan awam sudah cukup membuktikan bahawa penerbitan pertama di England.

5. Tempat penerbitan di Malaysia. Tetapi perlu diperjelaskan bahawa tempat penerbitan ialah tempat di mana salinan karya boleh didapati atau diterima oleh orang awam, bukan tempat karya dicetak atau dibuat. Di dalam kes *British Northrop v Texteam Blackburn*,³⁶ tempat penerbitan telah ditafsirkan oleh hakim sebagai tempat di mana salinan telah diterima atau dimiliki oleh orang awam, bukan tempat salinan dicetak atau dibuat.

2.8 Prinsip asas hakcipta

2.8.1 Hasil karya

Hakcipta menjamin perlindungan kepada hasil karya seperti mana yang diperuntukan di dalam Akta 1987 iaitu termasuklah sastera, kesenian, muzik,

drama, rakaman suara, penerbitan, filem dan penyiaran.³⁷ Ini bermakna karya-karya tersebut akan mendapat perlindungan hakcipta jika memenuhi syarat yang diperuntukan oleh undang-undang.

2.8.2 Keaslian karya

Sesuatu karya akan mendapat perlindungan hakcipta di bawah Akta 1987 apabila ianya bersifat asli. Apa yang dimaksudkan dengan keaslian karya ini ialah wujudnya satu pernyataan fikiran oleh pencipta dengan hasil usahanya sendiri, tidak ditiru dan tidak diambil daripada orang lain.

Akta 1987 tidak mendefinisikan keaslian karya. Walau bagaimanapun, mahkamah Malaysia, dalam beberapa keadaan memahami maksud keaslian berdasarkan pemakaian di mahkamah England. Secara umumnya, keaslian menurut undang-undang hakcipta tidak sama dengan apa yang tercatat dalam undang-undang paten. Di dalam kes *Lau Foo San v Government of Malaysia*,³⁸ hakim telah menjelaskan tentang keaslian karya. Plaintiff di dalam kes ini ialah seorang jurutera yang telah menyediakan lakaran dan reka bentuk pembinaan bilik darjah untuk Kementerian Pendidikan Malaysia. Kedua belah pihak bersetuju bahawa hakcipta terhadap lakaran dan reka bentuk itu kepunyaan plaintiff. Tetapi defendant dibenarkan untuk menggunakannya. Defendant kemudiannya mendakwa bahawa lakaran dan reka bentuk bukan asli daripada plaintiff, tetapi ia adalah hasil salinan daripada lakaran dan reka bentuk kepunyaan defendant. Hakim Mahkamah

Tinggi memutuskan keputusan berpihak kepada defendant iaitu lakaran dan reka bentuk itu bukan karya asli plaintiff.

Dalam rayuan di Mahkamah Persekutuan, hakim berpendapat bahawa fakta tidak menyokong sebarang bukti bahawa berlakunya penyalinan secara langsung pada sebahagian daripada lakaran dan reka bentuk plaintiff, malah ia adalah karya asli plaintiff. Walaupun plaintiff telah menyalin sebahagian daripada lakaran dan reka bentuk defendant, ia tidak menjelaskan keaslian karya.

Hal ini juga dirujuk kepada undang-undang Inggeris berdasarkan kes *University of London Press Ltd. v University Tutorial Press Ltd.*³⁹ yang menegaskan bahawa keaslian bukan berdasarkan kepada ide atau buah fikiran tetapi ia juga merujuk kepada hasil karya itu sendiri. Begitupun, di dalam kes yang sama, Hakim Peterson juga menyatakan bahawa keaslian bukan bermaksud penemuan atau ciptaan baru. Beliau berkata :

"Perkataan 'asli' dalam hal ini tidak bermaksud sesuatu karya itu mesti merupakan perkataan yang asli atau penemuan baru. Akta hakcipta tidak mengambil kira keaslian ide tetapi pernyataan fikiran dan dalam kes karya sastera, keaslian ialah pernyataan fikiran dalam percetakan atau penulisan. Keaslian yang dikehendaki ialah yang berkait rapat dengan pernyataan fikiran. Akta tidak menghendaki pernyataan dalam bentuk yang asli dan karya itu bukanlah ditiru daripada karya orang lain iaitu ia mestilah berasal dari pengarang."

Keaslian pula mesti diiringi dengan usaha yang mencukupi⁴⁰ sama ada wujudnya pernyataan fikiran yang menggunakan pengetahuan, agakan, kebolehan

dan masa yang diambil oleh pengarang. Jika elemen-elemen itu ada, maka sudah memadai bagi sesebuah karya untuk disifatkan sebagai bersifat asli.

Begitu juga, kualiti sesuatu karya tidak dianggap penting dan tidak termasuk di dalam skop hakcipta. Dengan ini mahkamah tidak boleh campur tangan dalam hal yang berkait dengan mutu, tetapi boleh campur tangan dalam hal yang berkait dengan keaslian karya. Elemen keaslian dalam ketetapan karya sebagai mendapat perlindungan hakcipta jelas dinyatakan di dalam sek. 7 (3) (a) iaitu bagi karya sastera, muzik atau seni. Walau bagaimanapun, elemen keaslian ini tidak disyaratkan dalam rakaman suara, filem, penyiaran, kabel program dan lain-lain lagi.

2.8.3 Karya dijadikan di dalam bentuk bahan atau penetapan lain.

Se k. 7 (3) (b) memperuntukkan bahawa :

"sesuatu karya sastera, muzik atau seni tidaklah layak mendapat hakcipta melainkan karya itu telah ditulis, direkod atau salinannya dijadikan dalam bentuk bahan."

Peruntukan ini jelas bahawa sesuatu karya perlu dijadikan dalam bentuk bahan bagi mendapatkan perlindungan hakcipta. Hakcipta tidak akan wujud tanpa penetapan ide kepada bentuk bahan tidak wujud. Menjadikan karya dalam bentuk

bahan adalah seperti dijadikan dalam bentuk tulisan, lukisan, rakaman dan lain-lain.

Sek. 3 telah mentafsirkan bentuk bahan sebagai :

"Berhubung dengan sesuatu karya atau sesuatu karya terbitan, termasuklah apa-apa bentuk penyimpanan (sama ada boleh dilihat atau tidak) yang daripadanya karya atau karya terbitan itu, atau sebahagian besar daripada karya atau karya terbitan itu boleh dikeluarkan semula."

Seksyen yang sama juga telah mentafsirkan penetapan sebagai :

"Pengadunan bunyi gambaran atau kedua-duanya, atau perlambangannya, dalam bentuk bahan yang cukup kekal atau tetap untuk membolehkan bunyi, gambaran atau kedua-duanya didengari atau dilihat dikeluarkan semula atau selainnya disampaikan sepanjang tempoh lebih daripada jangka masa sementara."

Berhubung dengan hal ini, Akta Hakcipta Singapura 1987 memperuntukan di bawah sek. 7 mengenai definisi tulisan yang mana tulisan ialah model atau menulis atau mengeluarkan semula kata-kata, bentuk atau simbol dalam bentuk-bentuk tertentu manakala sek. 178, The United Kingdom Copyright, Design & Patent Act 1988 mendefinisikannya sebagai sebarang bentuk terhadap pernyataan atau kod sama ada dengan tangan atau lain-lain cara atau perantara atau ke atas sesuatu yang direkodkan.

Penyertaan ide untuk dijadikan penetapan sesuatu bahan pula tidak tertakluk kepada bahan tertentu sahaja tetapi ia tertakluk kepada hasil kerja

tersebut sejauh mana ia boleh ditetapkan dalam sesuatu bahan. Dalam hal ini, bentuk tulisan bererti bahan itu telah ditulis tangan, dicetak atau ditaip. Karya yang ditulis secara braille juga dianggap dalam bentuk bahan. Bagi rakaman bunyi, ia dikira dihasilkan pada masa pertama cakera tersebut dibuat. Filem pula dikatakan telah dihasilkan apabila siri gambaran pandangan mula-mula dipitakan. Seterusnya, siaran apabila pancaran bunyi atau gambaran atau kedua-duanya mula dilakukan untuk penerimaan orang awam.

2.8.4 Hakcipta memberikan perlindungan kepada penyampaian ide, tidak kepada ide, teori atau maklumat yang diberikan.

Hakcipta tidak memberikan perlindungan kepada ide atau teori yang dikemukakan oleh pencipta. Tetapi cuma memberikan perlindungan kepada penyampaian ide sahaja.⁴¹ Rasional kepada prinsip ini ialah agar masyarakat awam boleh menikmati segala ide yang disampaikan untuk kemajuan dan pembaharuan masyarakat. Sesiapa sahaja boleh menggunakan ide atau teori yang disampaikan selagi mana tidak mengeksplotasi penyampaian ide pencipta. Pencipta tidak mempunyai kuasa monopoli ke atas ide yang disertakan di dalam karyanya.

Prinsip ini juga boleh dirujuk dalam kes *Baker v Selden*.⁴² Plaintiff di dalam kes ini telah menulis sebuah buku berkenaan dengan sistem perakaunan. Apa yang menjadi pertikaian di dalam kes ini ialah sama ada adakah dikatakan perlanggaran

hakcipta berlaku jika ada pembaca yang menggunakan sistem perakaunan tersebut. Hakim memutuskan bahawa tidak berlaku perlanggaran hakcipta kerana hakcipta tidak memberikan perlindungan kepada teori-teori atau sistem yang dinyatakan. Hakcipta hanya memberikan perlindungan kepada penyampaian sahaja iaitu penyampaian ide dalam bentuk buku. Ini bermakna buku tersebutlah yang dilindungi.

2.8.5 Tiada sebarang bentuk formaliti untuk mendapatkan perlindungan.

Perlindungan hakcipta adalah lebih mudah diperolehi berbanding dengan kategori harta intelek yang lain. Ia wujud serta merta apabila ia dihasilkan⁴³ tanpa memerlukan sebarang bentuk formaliti seperti permohonan, pendaftaran, deposit dan sebagainya. Hal ini berbeza dengan hak paten, cop dagangan, reka bentuk dan lain-lain yang mana memerlukan pendaftaran terlebih dahulu sebelum mendapat perlindungan.

Perlindungan ke atas hakcipta di Malaysia wujud sebaik sahaja sesuatu karya dihasilkan apabila cukup syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh Akta 1987 iaitu karya termasuk di dalam senarai yang diperuntukan, ianya asli dan dijadikan dalam bentuk bahan, penciptanya seorang yang berkelayakan dan penerbitan pertamanya adalah di Malaysia serta lain-lain syarat yang dikehendaki.

Keistimewaan perlindungan secara automatis ini hanya diberikan kepada negara-negara yang menganggotai Konvensyen Berne sahaja, tidak bagi negara-negara yang menganggotai Konvensyen Universal (Universal Copyright Convention) di mana pendaftaran adalah diperlukan bagi mendapatkan perlindungan hakcipta.

2.8.6 Perlanggaran hakcipta apabila berlaku penyalinan karya secara tidak sah sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Penyalinan karya secara tidak sah menunjukkan berlakunya perlanggaran hakcipta. Oleh itu, perlu dibuktikan terlebih dahulu berlakunya penyalinan secara tidak sah itu bagi mensabitkan perlanggaran hakcipta. Penyalinan tidak sah ini ialah sama ada berlaku secara langsung atau tidak langsung. Prinsip ini berasaskan kepada kes *Francis Day and Hunter v Bron*.⁴⁴ Plaintiff adalah pemunya hakcipta kepada karya muzik yang bertajuk “In a little Spanish Town”. Beliau telah mendakwa defendant atas alasan membuat salinan sebahagian besar daripada karyanya iaitu lapan baris pertama korus “In a little Spanish Town” dengan menerbitkan sebuah karya muzik bertajuk “Why”. Mahkamah memutuskan bahawa persamaan yang ketara di antara dua karya muzik tersebut tidak cukup untuk membuktikan telah berlaku perlanggaran hakcipta. Walaupun darjah persamaan menjadi satu persoalan fakta untuk membawa kepada kesimpulan bahawa terdapat satu *casual connection* antara karya plaintiff dan karya defendant,

⁴⁴

tetapi bergantung juga secara langsung kepada darjah kebiasaan pihak defendant terhadap karya pihak plaintiff yang dimiliki pihak defendant.

Tegasnya, darjah persamaan secara objektif perlu dalam membuktikan perlanggaran. Namun begitu ia masih belum mencukupi untuk menjadi bukti kerana pihak tertuduh masih mempunyai peluang untuk membuktikan bahawa dirinya tidak melakukan perlanggaran hakcipta.

2.8.7 Harta di dalam hakcipta berbeza dengan harta dalam bentuk fizikal.

Terdapat perbezaan yang jelas di antara harta di dalam hakcipta⁴⁵ dengan harta dalam bentuk fizikal⁴⁶ (sesuatu yang terkandung di dalamnya karya-karya hakcipta) di mana pemunya kepada harta di dalam hakcipta tidak bererti beliau juga pemunya kepada harta dalam bentuk fizikal. Sebagai contohnya, pemunya hakcipta kepada sebuah karya di dalam sebuah buku adalah berbeza dengan pemunya kepada buku tersebut. Sebagai pemunya kepada buku tersebut, beliau boleh berbuat apa sahaja kepada buku tersebut sebagaimana yang dikehendaki, tetapi beliau tidak dibenarkan oleh undang-undang untuk melakukan perlanggaran hakcipta.

Tertakluk kepada sek. 27 (7) Akta 1987, pewaris yang menerima harta dalam bentuk fizikal yang mengandungi karya hakcipta tidak bererti beliau menerima harta di dalam hakcipta. Sek. 27 (7) memperuntukkan bahawa di bawah

sesuatu pemberian wasiat, seseorang itu berhak kepada manuskrip sesuatu karya muzik, sastera atau seni yang tidak diterbitkan sebelum kematian dan hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk hakcipta mengenai karya tersebut setakat mana pewasiat adalah tuan punya hakcipta itu sebelum kematianya.

2.8.8 Hak moral

Hak moral ialah hak-hak personal kepada pemunya terhadap hasil usaha mereka. Hak ini termasuklah hak untuk memiliki dan menguasai hakcipta. Merujuk kepada Akta 1987, terdapat dua jenis hak moral iaitu hak untuk menghalang penyampaian karya dengan apa cara sekalipun tanpa kebenaran dan hak untuk mencegah perubahan dan apa-apa yang mencacatkan sesuatu karya.⁴⁷

Di dalam kes *Mokhtar Haji Jamaluddin v Pustaka Sistem Pelajaran*,⁴⁸ pihak defendant telah meletakkan nama penulis lain iaitu Mokhtar A.K sebagai pencipta kepada karya yang ditulis oleh plaintif. Pihak plaintif mendakwa bahawa tujuan defendant berbuat demikian adalah untuk mengisyiharkan bahawa karya tersebut karangan Mokhtar A.K. Hakim memutuskan bahawa plaintif mendapat gantirugi sebagai merawat kecederaan pada perasaan yang dialami olehnya.

2.9 Karya-karya yang termasuk di dalam perlindungan hak cipta.

Sek. 7 (1) Akta 1987 menyenaraikan karya-karya yang layak mendapat perlindungan hak cipta. Karya-karya tersebut ialah karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman bunyi dan siaran. Karya tersebut mendapat perlindungan hak cipta tanpa mengira kualiti dan tujuan sesuatu karya itu dihasilkan.⁴⁹ Seterusnya, pra syarat kelayakan juga perlu dipastikan bahawa ianya dipenuhi untuk diiktirafkan sebagai diberi perlindungan.

a) Karya sastera

Karya sastera dijelaskan oleh Akta 1987 sebagai termasuklah:

- 1) Novel, cerita, buku, risalah, manuskrip, karya syair dan penulisan lain.
- 2) Lakonan, drama, arahan pentas, senario filem, skrip siaran, karya koreografi dan pentomin.
- 3) Treatis, sejarah, bibliografi, karangan dan artikel.
- 4) Ensiklopedia, kamus dan karya rujukan lain.
- 5) Surat, laporan dan memorandum.
- 6) Syarahan, ucapan, khutbah dan karya lain yang sama sifatnya.
- 7) Jadual atau penyusunan sama ada atau tidak dinyatakan dalam perkataan, angka atau simbol dan sama ada ada atau tidak dalam bentuk yang nampak.

- 8) Program-program komputer⁵⁰ tetapi tidak termasuk teks rasmi kerajaan atau badan berkanun yang bersifat perundangan atau peraturan atau keputusan-keputusan kehakiman.

Perkataan ‘termasuklah’ di dalam tafsiran karya sastera menunjukkan bahawa Akta 1987 menerima pertambahan dan perkembangan karya sastera yang termasuk di dalam kategori karya yang layak mendapat perlindungan hakcipta serta mengikut keperluan dan kehidupan semasa.

Daripada tafsiran itu juga membuktikan bahawa karya sastera yang dimaksudkan oleh Akta 1987 bukanlah karya yang mempunyai nilai kesusasteraan semata-mata, malah karya sastera bermaksud karya yang dinyatakan secara bertulis atau bercetak⁵¹ termasuk juga karya komputer. Hal ini boleh dirujuk kepada keputusan-keputusan Hakim dalam memutuskan sesuatu kes yang berkait dengan karya sastera. Sebagai contoh yang paling jelas ialah keputusan Hakim Dzaiddin di dalam kes *Mohammad Ramly @ Dzulkifli bin Ismail v Sarimah Film Productions Sdn. Bhd.*⁵² Beliau telah memutuskan bahawa manuskrip adalah karya sastera. Keputusan ini dibuat kerana beliau bersetuju dengan pandangan Hakim Peterson bahawa karya sastera bermaksud apa-apa karya yang dinyatakan secara bertulis atau bercetak.

Begitu juga di dalam kes *Lao Foo San v Kerajaan Malaysia*,⁵³ hakim telah memutuskan bahawa lukisan-lukisan dan reka cipta kejuruteraan termasuk di

dalam karya sastera. Apabila dikatakan karya sastera, maksudnya karya yang ditulis atau dicetak. Ertinya di sini, karya sastera meliputi sesuatu yang luas, tidak bererti karya yang mempunyai nilai kesusteraan semata-mata.

Begitupun, karya sastera tertakluk kepada beberapa syarat iaitu mesti dipastikan bahawa wujudnya usaha yang mencukupi telah dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli. Selain daripada itu, ia juga mestilah dijadikan dalam bentuk bahan.⁵⁴ Syarat ini jelas diputuskan oleh hakim di dalam kes *Hardial Singh Sekhon v/a Sekhon Management Services v MDC Sdn. Bhd & anor*⁵⁵. Menurut hakim, “*Amalan tanggungjawab Kastam*” yang didakwa sebagai karya hakcipta yang dimiliki oleh plaintif bukanlah sesuatu yang asli. Ia ialah karya yang disalin daripada pelbagai penerbitan rasmi. Ini bererti, sesiapa sahaja yang mempunyai akses kepada “arahan kerajaan” dan “gazet” kerajaan boleh mengeluarkan penerbitan yang serupa dengan karya tersebut. Oleh itu, karya tersebut tidak mendapat perlindungan hakcipta kerana tidak bersifat asli. Sehubungan dengan itu, tidak wujud perlanggaran hakcipta. Di dalam kes *Mohd. Ramly @ Dzulkifli v Sarimah Film Productions Sdn. Bhd*,⁵⁶ plaintif mendakwa hakcipta, bukan ke atas manuskrip tetapi ke atas arahan pentas yang dibuat. Hakim menyatakan bahawa skrip tersebut tidak ditulis, direkod atau dijadikan dalam bentuk bahan lain. Oleh itu, ia tidak sesuai untuk termasuk di dalam kategori hakcipta.

Seterusnya, karya drama termasuk juga di dalam kategori karya sastera di mana diperuntukkan di dalam sek 3 bahawa karya sastera termasuk

- b) *"Lakonan, drama, arahan pentas, senario filem, skrip siaran, karya kareografi dan pentomin."*

Oleh itu, jelas bahawa karya yang dilakukan termasuk di dalam kategori sastera. Senario filem termasuk di dalam hakcipta tetapi filem itu sendiri adalah katogeri hakcipta yang tersendiri.. Apa yang penting ialah ianya mesti dijadikan dalam bentuk bahan. Di dalam kes *Mohd. Ramly @ Dzulkifli bin Ismail v Sarimah Films Productions Sdn Bhd & anor*,⁵⁷ plaintif mendakwa bahawa defendant telah melanggar karya hakcipta iaitu manuskrip yang menghuraikan tentang setiap babak (scenes), tetapi manuskrip itu tidak mengandungi dialog. Mohd. Dzaidin J menerima filem tersebut sebagai "*film treatment*" dan mengakui bahawa ia termasuk di dalam definisi karya sastera di bawah Akta 1987. Walau bagaimanapun, tuntutan plaintif gagal kerana beliau gagal membuktikan dirinya sebagai pencipta karya tersebut.

Program komputer⁵⁸ juga ialah salah satu daripada karya sastera. Ia bermaksud suatu ungkapan di dalam apa-apa bahasa, kod atau tatatanda bagi suatu set arahan dengan niat untuk menyebabkan suatu alat yang mempunyai kebolehan pemprosesan maklumat untuk melakukan fungsi tertentu sama ada secara langsung atau selepas salah satu atau kedua-dua perkara berikut;

- 1) Penukaran kepada bahasa, kod atau tatanda lain
- 2) Pengeluaran semula dalam bentuk bahan yang lain.⁵⁹

Oleh itu, sebarang bentuk perisian komputer yang dijadikan dalam bentuk bahan adalah mendapat perlindungan undang-undang hakcipta.

b) Karya muzik

Karya muzik ditafsirkan oleh Sek. 3 Akta 1987 sebagai apa-apa karya muzik termasuklah karya yang digubah untuk iringan muzik. Begitupun, lirik kepada lagu tersebut tidak termasuk di dalam karya muzik, malah ia tergolong di dalam kategori karya sastera.⁶⁰

Sebagaimana karya sastera, karya muzik juga mestilah terhasil daripada usaha yang asli dan dijadikan dalam bentuk bahan.⁶¹ Lebih-lebih lagi bagi muzik yang hendak dipersembahkan, mesti dibuat dalam bentuk bahan bagi mengelak daripada berlakunya “bootlegging.”⁶² Dikatakan berlakunya “bootlegging” apabila seseorang itu merakamkan pertunjukkan konsert tanpa kebenaran pemunya hakcipta secara cetak rompak untuk tujuan komersial dan keuntungan besar.

c) Karya seni.

Sek. 3 mentafsirkan karya seni sebagai:

- 1) Karya grafik, fotograf, seni ukir⁶³ atau kolaj.
- 2) Kayu seni bina dalam bentuk bangunan atau model bangunan.

3) Karya pertukangan seni

Karya grafik pula termasuklah lukisan cat, lukisan, rajah, peta, carta atau pelan, ukiran kayu, ukir pahat, ecing, litograf dan lain-lain.⁶⁴

Seterusnya, fotograf bermaksud satu perekodan cahaya atau sinaran lain ke atas sesuatu bahan yang boleh menghasilkan imej dan ia bukan sebahagian daripada filem.⁶⁵ Seni ukir pula termasuklah satu acuan atau model yang dibuat bagi maksud sesuatu seni ukir.

Karya seni yang disebutkan di atas mendapat perlindungan hakcipta tanpa dikira kualiti dan objektif sesuatu karya itu dihasilkan.⁶⁶ Yang penting, ianya asli daripada usaha yang mencukupi dan berada dalam bentuk bahan atau sebarang penetapan lain.

Perlindungan hakcipta hanya melindungi karya-karya yang dikatakan termasuk di dalam karya seni. Oleh itu, sebarang dakwaan bagi mendapatkan perlindungan hakcipta mestilah dapat dibuktikan bahawa hasil karya tersebut adalah karya seni. Di dalam kes *Marlet v Mother Care*,⁶⁷ pihak plaintif gagal membuktikan bahawa *cape bayi* yang dibuatnya ialah karya pertukangan seni walaupun ia karya pertukangan. Kegagalan ini membawa kepada kegagalan untuk mendapat perlindungan hakcipta.

d) Filem

Filem ditafsirkan sebagai apa-apa penetapan suatu siri gambaran pandangan pada bahan daripada apa-apa perihalan sama ada lutcahaya atau tidak, supaya boleh dengan menggunakan bahan itu dengan atau tanpa apa-apa bantuan sesuatu perekaan:

- a) Ditujukan sebagai gambar yang bergerak.
- b) Dirakamkan pada bahan lain sama ada lutcahaya atau tidak supaya dengan menggunakan bahan itu, ianya boleh ditunjukkan sedemikian termasuklah bunyi yang terkandung dalam sesuatu alur bunyi yang berkaitan dengan filem.⁶⁸

Walaupun definisi di atas menyebut bahawa filem itu sebagai apa-apa penetapan suatu siri gambaran pandangan, namun ini tidak bermakna disyaratkan bahawa gambaran pandangan mesti bersedia untuk disiarkan. Di dalam kes *Foo Loke Ying v Television Broadcasts and Ors*,⁶⁹ Hakim Abdul Kadir menyebut:

"The definition does not require that the visual images should be in a state ready for projection in order to qualify as a cinematograph film and it would be enough that they be recorded on any material translucent. Otherwise, and that it should be possible or to translate them into a moving picture."

Di samping itu, Hakim tersebut juga menambah bahawa tafsiran di atas dibuat tanpa merujuk kepada proses pembuatan filem tetapi cuma tertumpu kepada ciri-ciri penting kepada *sequence* siri gambaran yang boleh ditunjukkan

sebagai gambar yang bergerak. Oleh itu, gambaran yang direkodkan ke atas bahan elektrik yang menjurus kepada pita magnet seperti pita video itu termasuk di dalam definisi “*cinematograph film*. ”

Seterusnya, jika dirujuk kepada tafsiran sek. 3, jelas bahawa bunyi yang mengiringi sesuatu filem dianggap sebagai sebahagian daripada filem dan termasuk di bawah perlindungan hakcipta. Di dalam kes *Aaron Spelling Productions v Goldberg Productions*,⁷⁰ isu yang menjadi pertikaian ialah sama ada fotograf yang dikeluarkan semula dari *frame filem* itu melanggar hakcipta di dalam filem kerana ia dikatakan membuat salinan filem tersebut. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa membuat salinan satu *frame filem* merupakan perlanggaran hakcipta filem tersebut kerana *frame filem* adalah sebahagian daripada filem tersebut walaupun pada hakikatnya ia tidak memenuhi ciri-ciri sebuah filem.

e) Rakaman bunyi

Rakaman bunyi ialah apa-apa penetapan siri bunyi yang boleh didengar dan boleh dikeluarkan semula dengan apa cara tetapi tidak termasuk alur bunyi yang berkaitan dengan filem.⁷¹ Bunyi dikatakan sebagai dirakamkan apabila ia dijadikan di dalam bentuk bahan yang kekal atau stabil, yang mana dengan ini, ia boleh dikeluarkan semula atau dikomunikasikan semula. Bahan rakaman bunyi ini tidak terhad kepada rekod *gramophone* tetapi termasuk juga bahan lain seperti

magnet dan kaset (tape) digital, cakera padat dan lain-lain. Kenyataan ini selaras dengan tafsiran yang dibuat, termasuklah apa sahaja cara baru yang digunakan untuk rakaman bunyi pada masa ini atau akan datang, seiring dengan perkembangan dan kemajuan sesebuah negara. Merujuk kepada tafsiran juga, cuma bunyi yang dirakamkan sahaja yang mendapat perlindungan hakcipta, tidak termasuk alat di mana bunyi itu dirakamkan.

f) Siaran.

Siaran sebagaimana yang disebut oleh sek. 3 ialah pemancaran bunyi, gambaran atau maklumat lain melalui wayar atau wayarless untuk diterima dengan lajunya oleh orang awam atau boleh dipancarkan untuk tujuan persembahan kepada orang awam. Perlindungan hakcipta kepada siaran memberikan hak kepada pemunya untuk mengawal rakaman, pengeluaran semula dan penyiaran semula, keseluruhan atau sebahagian besar siaran itu dan pertunjukan, tayangan atau permainan kepada orang awam di tempat yang dikenakan bayaran masuk, siaran televisyen sama ada bentuk asal atau tidak.⁷² Jadi, di sini ternyata bahawa penyiaran melibatkan penerimaan orang awam. Orang awam ini merujuk kepada masyarakat awam dalam jumlah yang besar. Penyiaran juga meliputi penyiaran dengan satelit. Teknologi maklumat berdasarkan satelit ini menggalakkan dan meluaskan lagi pemindahan bunyi dan gambaran dari satu negara ke satu negara. Begitu pun, Akta hakcipta 1987 tidak

mentafsirkan dengan jelas sama ada penyiaran satelit termasuk dalam kategori penyiaran atau tidak.

g) Karya Terbitan.

Akta 1987 juga turut memberikan perlindungan hakcipta kepada karya-karya terbitan di mana sek 8 (1) menyebut bahawa karya-karya terbitan juga dilindungi sebagaimana karya asal⁷³ iaitu:

- a) Terjemahan, penyesuaian, susunan dan perubahan lain karya-karya yang layak bagi hakcipta dan
- b) Koleksi karya-karya yang bagi hakcipta yang oleh sebab pemilihan dan susunan kandungannya menjadikannya suatu hasil ciptaan intelek.⁷⁴

2.10 Autoriti Eksklusif Pemilik Hakcipta

Perlindungan hakcipta yang diberikan oleh undang-undang kepada karya-karya yang dikategorikan di dalam hakcipta itu membawa kepada pengiktirafan bahawa pemilik mempunyai autoriti eksklusif terhadap hasil karya mereka. Dengan itu pemilik boleh melakukan perkara-perkara berikut:

- 1) Mengeluarkan semula karya-karya tersebut dalam apa-apa bentuk bahan.
- 2) Menyampaikan kepada orang awam.
- 3) Membuat pertunjukan, tayangan atau permainan kepada orang awam

- 4) Membuat pengedaran salinan kepada orang awam melalui pengujudan dan pemindahan pemilikan
- 5) Membuat penyewaan secara komersial kepada orang awam.⁷⁵

Oleh yang demikian, matlamat untuk menjaga hak ekonomi dan hak moral pencipta akan tercapai.

Merujuk kepada peruntukan sek. 36 Akta 1987, dikatakan berlaku perlanggaran hakcipta apabila berlaku tiga perkara utama iaitu:

- 1) Melakukan atau menyebabkan seseorang lain melakukan satu perbuatan yang perlakuanannya dikawal oleh hakcipta tanpa lesen atau persetujuan tuan punya hakcipta.
- 2) Dengan secara sedar melakukan perkara-perkara berikut:
 - a) Secara sedar mengimport artikel langgaran untuk tujuan penjualan, penyewaan atau untuk tujuan dagangan atau lain-lain maksud yang boleh memudharatkan tuan punya hakcipta
 - b) Melakukan pemintasan terhadap apa-apa sahaja langkah teknologi yang berkesan yang digunakan oleh pencipta berkaitan dengan perjalanan hak-hak mereka atau menyekat karya-karya mereka dan tindakan ini adalah bertentangan dengan kehendak pencipta dan undang-undang sendiri.
 - c) Melakukan sesuatu dengan sebab yang munasabah dengan menyedari bahawa ia akan menyembunyikan perlanggaran ke atas sesuatu karya seperti pengubahan apa-apa maklumat pengurusan elektronik tanpa

kebenaran dan pengedaran, pengimportan untuk pengedaran atau penyampaian kepada awam tanpa kebenaran akan sesuatu karya atau salinan karya dengan menyedari bahawa maklumat pengurusan hak elektronik telah dibuang atau diubah tanpa kebenaran.

Autoriti eksklusif yang diberikan kepada pemunya hakcipta sebagaimana yang diperuntukkan di bawah sek. 13 (1) merangkumi keseluruhan atau sebahagian besar karya sama ada dalam bentuk asal atau terbitan. Dengan itu, perlanggaran hakcipta berlaku apabila kuasa di atas telah dieksplotasikan oleh orang lain tanpa kebenaran yang sah.

Faktor penting bagi menunjukkan wujudnya perlanggaran hakcipta ialah apabila pihak defendant telah menggunakan karya pihak plaintiff sama ada secara langsung atau tidak. Oleh yang demikian, pihak plaintiff perlu membuktikan bahawa pihak defendant telah menerbitkan sesuatu karya yang bukan sahaja serupa atau hampir serupa tetapi juga ciptaan itu menggunakan ciri-ciri yang didapati dari karya pihak plaintiff sama ada secara langsung atau tidak langsung dan karya plaintiff dilindungi oleh hakcipta. Di dalam kes *University of London Press v Universiti of Tutorial Press*,⁷⁶ Hakim Peterson berkata:

"Apa yang bernilai untuk disalin adalah secara prima facie bernilai untuk dilindungi"

Beberapa perkara perlu dilakukan dalam membuktikan berlakunya perlanggaran hakcipta. Di antaranya ialah dengan membuat perbandingan karya.

Darjah persamaan di antara karya-karya boleh dijadikan pengukur sama ada berlaku perlenggaran atau tidak. Begitupun, kadang-kadang terdapat karya yang sama atau seakan-akan sama tetapi dibuat secara persendirian. Jika dapat dibuktikan penyalinan secara tidak langsung dengan dapat menunjukkan bahawa ada rangkaian sebab musabab yang membawa kepada perlenggaran hakcipta, maka dianggap telah melanggar hakcipta. Sebagai contohnya ialah kes *L.B Plastics v Swish Product*.⁷⁷ Terdapat bukti bahawa wujud perlenggaran hakcipta dengan melihat kepada motif defendant di mana terdapat satu surat daripada pengurus pihak defendant yang menyatakan bahawa masa boleh dijimatkan jika lukisan pihak plaintiff boleh disalin. Defendant juga didapati mempunyai niat untuk membuat penyalinan melalui pernyataan memorandum yang ditulis oleh beliau kepada paten agennya yang antara lain berkata “*Sila lihat kepada paten serta reka cipta berdaftar dan buat apa-apa yang perlu untuk tidak nampak seolah-olah melanggarnya.*” Segala rangkaian ini menjadi rangkaian insiden yang menunjukkan perlenggaran hakcipta.

Seterusnya, sek. 36 (1) memberi ruang agar tindakan diambil ke atas pihak yang memberi kebenaran untuk melakukan perlenggaran tersebut, bukan kepada pihak yang melakukan perlenggaran semata-mata. Di Malaysia, sehingga ke hari ini, tidak berlaku lagi kes seperti ini tetapi terdapat kes di Australia yang boleh dijadikan panduan bagi memahami peruntukan ini iaitu kes *Moor House v University New South Wales*.⁷⁸ Di dalam kes ini, B telah membuat dua salinan sebuah cerita daripada buku P iaitu “*The Americans Baby.*” Salinan dibuat dengan

menggunakan satu mesin fotostat yang dioperasikan dengan memasukkan duit syiling ke dalam slot mesin tersebut. Plaintiff kemudiannya membawa tindakan ke mahkamah untuk mengetahui sama ada pihak universiti adalah bertanggungjawab atas perlanggaran hakcipta ke atas buku tersebut. Pihak universiti dikatakan telah memberikan keizinan untuk melakukan penyalinan tanpa lesen pemunya hakcipta buku tersebut dengan menyediakan mesin fotostat tersebut. Hakim Gibson berkata:

"Pada pandangan saya sebagai mengikuti kenyataan dan prinsip bahawa seseorang yang mempunyai kuasa ke atas alat yang mana perlanggaran hakcipta boleh dilakukan seperti mesin fotostat dan membolehkannya digunakan oleh orang lain dengan pengetahuan atau mempunyai sebab untuk mengesyakki bahawa ia berkemungkinan akan digunakan untuk tujuan perlanggaran hakcipta dan tidak melakukan langkah-langkah yang munasabah untuk menghadkan penggunaannya untuk tujuan yang sah adalah membenarkan apa-apa perlanggaran yang berlaku disebabkan penggunaannya."

Apabila sesuatu hak mengimport ke dalam Malaysia apa-apa artikel yang diberikan perlindungan hakcipta bagi tujuan perdagangan atau perniagaan seperti mana sek. 36 (2), a, b, c, tanpa lesen atau persetujuan pemunya hakcipta, maka itu juga dikatakan berlaku perlanggaran hakcipta. Ertinya, jika penciptaan sesuatu karya merupakan perlanggaran hakcipta di Malaysia, maka menerbit atau membuatnya di tempat lain dan kemudian diimport ke Malaysia, ia masih lagi tetap merupakan perlanggaran hakcipta di Malaysia. Dalam hal ini, apa yang perlu dibuktikan di mahkamah ialah bahawa defendant mengetahui bahawa penciptaan karya itu telah dijalankan tanpa lesen atau persetujuan pemunya hakcipta. Pengetahuan seperti ini perlu dibuktikan untuk mengelak daripada kegagalan. Di

dalam kes *Infabrik v Jayteix*,⁷⁹ mahkamah memutuskan bahawa pengetahuan itu tidak dapat dibuktikan oleh plaintif yang membawa kepada kegagalan tindakan perlanggaran hakcipta. Sementara itu, di dalam kes *Sillitoe v Mc Graw Hill Book Co.*,⁸⁰ mahkamah menyatakan bahawa pengetahuan di sini bermakna pengetahuan konstruktif iaitu pengetahuan sebenar yang dipunyai berdasarkan bukti-bukti sekeliling.

Menjual, menyewa atau dengan cara dagangan menawarkan atau mendedahkan untuk jualan atau sewaan adalah perlanggaran hakcipta jika dibuat tanpa izin atau lesen yang sah. Ia merangkumi juga apa-apa perbuatan untuk tujuan perniagaan atau perdagangan seperti dengan mempamerkan artikel kepada awam bagi maksud menarik minat pelanggan untuk membelinya.⁸¹

2.11 Jangkamasa Hakcipta

Perlindungan dan kuasa eksklusif yang diberikan oleh hakcipta sebagaimana yang dibincangkan di atas adalah tertakluk kepada jangkamasa atau tempoh tertentu. Ini bererti ianya tidak berkekalan. Apabila jangkamasa perlindungan hakcipta luput, apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan pemilik hakcipta tidak lagi merupakan satu kesalahan dan perlanggaran.

Jangkamasa mengenai karya-karya hakcipta telah diperuntukkan dengan jelas di dalam sek. 17 sehingga sek. 23, Akta Hakcipta 1987 iaitu:

- a) Jangkamasa hakcipta mengenai karya-karya sastera, muzik dan seni wujud semasa hayat pencipta dan 50 tahun selepas kematiannya. Jika sekiranya, karya tersebut tidak pernah diterbitkan sebelum kematian penciptanya, hakcipta akan wujud sehingga 50 tahun dari permulaan tahun kalender berikut dengan tahun yang karya itu mula diterbitkan. Bagi karya yang diterbitkan tanpa nama atau nama samaran, hakcipta akan wujud sehingga 50 tahun dari permulaan tahun kalender berikut dengan tahun karya itu mula-mula diterbitkan. Seterusnya, jika karya itu adalah karya bersama, ia dikira berdasarkan kepada hayat pencipta bersama yang terakhir meninggal dunia di antara mereka dan 50 tahun selepas kematiannya.
- b) Jangkamasa hakcipta sesuatu edisi yang diterbitkan akan wujud sehingga 50 tahun dari permulaan tahun kalender berikut dengan tahun yang edisi itu mula-mula diterbitkan.
- c) Jangkamasa hakcipta mengenai rakaman bunyi akan wujud sehingga 50 tahun dari permulaan tahun kalender berikut dengan tahun yang rakaman itu mula diterbitkan
- d) Jangkamasa hakcipta mengenai siaran akan wujud sehingga 50 tahun dari permulaan tahun kalender berikut dengan tahun yang siaran itu mula dibuat.
- e) Jangkamasa hakcipta mengenai filem akan wujud sehingga 50 tahun dari permulaan tahun kalender berikut dengan tahun yang filem itu mula diterbitkan.
- f) Jangkamasa hakcipta mengenai karya-karya Kerajaan, Pertubuhan-pertubuhan Kerajaan dan badan-badan antarabangsa akan wujud sehingga 50 tahun dari

permulaan tahun kalendar berikut dengan tahun yang karya itu mula-mula diterbitkan.

Dengan berakhirnya jangkamasa-jangkamasa tersebut di atas, karya-karya hakcipta adalah terbuka kepada orang awam untuk dimanfaatkan dengan apa cara sekalipun. Ternyata, penguatkuasaan seksyen-seksyen ini oleh Undang-undang Hakcipta dapat mewujudkan keseimbangan di antara kepentingan pemunya hakcipta dan pengguna hakcipta itu sendiri.

2.12. Penggunaan karya untuk urusan yang wajar dan lain-lain pengecualian

Walaupun pemilik hakcipta mempunyai autoriti eksklusif terhadap penggunaan hasil karya mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan dan berlaku perlanggaran hakcipta jika digunakan untuk tujuan dagangan dan mengaut keuntungan semata-mata tanpa lesen atau keizinan yang sah, tetapi autoriti ini tidaklah mutlak kerana ianya juga tertakluk kepada beberapa pengecualian yang diiktiraf oleh undang-undang. Bagi memenuhi keperluan dan maslahah masyarakat, Sek. 13 (2) memperuntukkan dengan jelas pengecualian tersebut. Di antaranya ialah:

- a) Perlakuan yang wajar bagi penyelidikan yang bukan untuk mengaut keuntungan, pengajian persendirian, kritikan, ulasan atau laporan peristiwa-peristiwa semasa dan lain-lain. Jika ia melibatkan penggunaan untuk awam, ia mesti disertai dengan suatu perakuan tajuk karya dan penciptaannya.

- b) Melakukan mana-mana perbuatan di dalam sek. 13 (1) secara parodi, pastice atau karikator.
- c) Kemasukan dalam sesuatu filem atau siaran apa-apa karya seni yang terletak di sesuatu tempat di mana karya itu boleh dilihat oleh awam. Contohnya jika karya seni yang terletak berhampiran Tugu Negara itu dimasukkan sama ada ke dalam filem atau siaran maka ini tidak dikira melanggar hakcipta karya seni tersebut.
- d) Pengeluaran semula dan pengedaran salinan apa-apa karya seni yang terletak dengan kekal di sesuatu tempat di mana karya itu boleh dilihat oleh awam. Contohnya, jika bangunan Jam Condong di Teluk Intan itu boleh dianggap sebagai karya seni, maka langgaran tidak berlaku jika sesiapa membuat replika bangunan itu dan menjualnya kepada awam.
- e) Kemasukan secara sampingan sesuatu karya dalam sesuatu karya seni, rakaman bunyi, filem atau siaran. Perlu diingat bahawa kemasukan secara sampingan karya itu tidak terpakai bagi kemasukan secara sampingan sesuatu karya itu tidak ke dalam sesuatu karya sastera.
- f) Ilustrasi untuk kegunaan mengajar. Kemasukan sesuatu karya dalam sesuatu siaran, pertunjukkan, tayangan atau permainan kepada awam, koleksi karya sastera atau muzik, rakaman bunyi atau filem, jika kemasukan sedemikian dibuat secara ilustrasi bagi maksud mengajar dan bersesuaian dengan amalan yang wajar: Dengan syarat sumbernya dan nama penciptanya yang terdapat pada karya yang digunakan itu hendaklah disebutkan.

g) Kegunaan peperiksaan

Apa-apa penggunaan sesuatu karya bagi maksud sesuatu peperiksaan dengan cara menyediakan soalan-soalan, menyampaikan soalan-soalan kepada calon-calon atau menjawab soalan-soalan: Dengan syarat bahawa suatu salinan reprografik sesuatu karya muzik tidaklah boleh dibuat bagi penggunaan seseorang calon peperiksaan dengan mempertunjukkan karya itu.

- h) Rakaman yang dibuat di sekolah, universiti atau Institusi pelajaran mengenai sesuatu karya yang dimasukkan di dalam sesuatu siaran untuk digunakan bagi sekolah, universiti atau Institusi pelajaran itu.
- i) Pembuatan sesuatu rakaman bunyi bagi siaran atau karya sastera, drama atau muzik, rakaman bunyi atau filem yang termasuk di dalam siaran setakat mana ia mengandungi bunyi jika rakaman bunyi sesuatu siaran adalah bagi kegunaan persendirian dan domestik oleh orang yang membuat rakaman itu. Kegunaan persendirian dan domestik di sini bermakna ia tidak boleh digunakan bagi maksud apa-apa perdagangan.
- j) Pembuatan sesuatu filem bagi sesuatu siaran atau sesuatu karya sastera, seni, drama atau muzik atau sesuatu filem yang termasuk dalam siaran setakat mana ia mengandungi gambar pandangan jika perbuatan sesuatu filem bagi siaran itu adalah bagi kegunaan persendirian dan domestik oleh orang yang membuat filem itu.

- k) Pembacaan atau pengucapan oleh seseorang kepada awam atau dalam sesuatu siaran akan apa-apa cabutan yang munasabahnya dari karya sastera yang sudah diterbitkan jika disertai dengan perakuan yang mencukupi. Perakuan yang mencukupi di sini bermakna sumber sastera itu mestilah diberitahu.
- l) Penggunaan karya oleh kerajaan. Apa-apa penggunaan sesuatu karya dengan atau di bawah arahan atau kawalan kerajaan, oleh Arkib Negara atau mana-mana Arkib Negeri, oleh Perpustakaan Negara atau mana-mana Perpustakaan Negeri, atau oleh mana-mana perpustakaan awam dan institusi pelajaran, sains dan profesional sebagaimana ditetapkan oleh menteri melalui perintah, jika penggunaan sedemikian adalah untuk kepentingan awam dan bersesuaian dengan amalan yang wajar dan peruntukan mana-mana peraturan dan
- tiada keuntungan didapati daripadanya.
 - Tiada bayaran masuk dikenakan bagi pertunjukan, tayangan atau permainan.
- m) Pengeluaran semula apa-apa karya dengan atau di bawah arahan atau kawalan sesuatu perkhidmatan penyiaran yang dimiliki oleh kerajaan jika pengeluaran semula sedemikian atau mana-mana salinannya dimasukkan semata-mata untuk siaran yang sah dan pengeluaran semula itu atau salinannya dibinasakan sebelum berakhir tempoh enam bulan kalender selepas sahaja pengeluaran semula itu dibuat atau sesuatu tempoh yang lebih lama sebagaimana dipersetujui di antara perkhidmatan penyiaran dan tuan punya hakcipta bagi bahagian karya yang berkaitan itu.

- n) Pertunjukan, tayangan atau permainan sesuatu karya oleh sesuatu kelab atau institusi yang bukan mengaut keuntungan jika pertunjukan, tayangan atau permainan adalah bagi maksud khairat atau pendidikan dan diadakan di sesuatu tempat di mana tiada yuran kemasukan dikenakan berkenaan dengan pertunjukan, tayangan atau permainan itu. Di sini terdapat 3 keperluan yang mesti diikuti iaitu :
1. Kelab dan institusi itu bukanlah badan yang mencari keuntungan.
 2. Pertunjukan, tayangan atau permainan itu untuk tujuan khairat atau pendidikan.
 3. Tiada yuran dikenakan untuk masuk melihat pertunjukan, tayangan atau permainan itu.
- o) Kegunaan bagi prosiding kehakiman dan lain-lain. Apa-apa penggunaan sesuatu karya untuk tujuan prosiding kehakiman, prosiding suruhanjaya di raja, badan perundangan, siasatan statutori atau kerajaan, atau apa-apa laporan mana-mana prosiding sedemikian, atau bagi maksud memberi nasihat profesional oleh seorang pengamal undang-undang.
- p) Penggunaan petikan-petikan dari karya yang sudah diterbitkan jika petikan-petikan itu bersesuaian dengan amalan yang wajar dan dibuat setakat yang berpatut dengan maksudnya termasuk petikan-petikan dari artikel akhbar dan majalah berkala dalam bentuk ringkasan akhbar; dengan syarat bahawa sumbernya dan nama pencipta karya yang digunakannya itu disebut.
- q) Pengeluaran semula oleh akhbar, penyiaran atau penayangan kepada awam akan artikel-artikel yang telah diterbitkan dalam akhbar atau majalah berkala

mengenai topik semasa, jika pengeluaran semula penyiaran atau penyampaian sedemikian tidak dipelihara dengan nyata; dengan syarat sumbernya dinyatakan dengan jelas.

- r) Pengeluaran semula oleh akhbar, penyiaran atau pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam syarahan-syarahan, ucapan-ucapan dan karya lain dari jenis yang sama yang disampaikan kepada awam jika penggunaan sedemikian bertujuan sebagai maklumat dan tidak dipelihara dengan nyata.

Jika mana-mana perkara yang disebutkan di atas dilakukan maka tidak ada perlanggaran hakcipta dan pihak defendan yang dituduh melakukan perlanggaran hakcipta boleh membela dirinya berdasarkan pengecualian-pengecualian yang tersebut di atas.

2.13 Kesimpulan

Hasil perbincangan di atas menjelaskan bahawa hakcipta termasuk di dalam kategori harta intelek yang diiktiraf oleh undang-undang Malaysia. Dengan ini, hak pemilikannya diiktiraf dan diberi perlindungan daripada sebarang pencerobohan dan pengeksplotasian secara tidak sah. Dengan erti kata lain, pemunya diberi hak untuk menikmati hasil-hasil karya yang telah dihasilkan oleh mereka dengan kebijaksanaan dan keintelektualan diri. Justeru itu, mereka akan mendapat pulangan kewangan yang baik di samping mempertingkatkan lagi

motivasi untuk berkarya atau menghasilkan karya-karya yang baru dan baik untuk dimanfaatkan oleh semua masyarakat.

Karya-karya yang dihasilkan pula hanya mendapat perlindungan hakcipta jika ia termasuk di dalam kategori karya-karya yang diperuntukkan oleh undang-undang sebagaimana yang disebut di dalam sek. 7 (1), Akta 1987. Ini bermakna tidak semua karya diterima kecuali yang disebut oleh Akta 1987 sahaja. Begitupun, sebarang pertambahan boleh dilakukan melalui pindaan peruntukan undang-undang dengan melihat kepada persekitaran dan keperluan semasa.

Begini juga, beberapa pra syarat perlu dipenuhi sebelum mendapat perlindungan undang-undang. Tanpa kelayakan bererti tiada perlindungan diberikan. Di samping itu, prinsip-prinsip asas hakcipta juga adalah teras kepada perlindungan hakcipta. Akta Hakcipta 1987 ialah undang-undang utama yang yang mengawal hakcipta demi untuk memastikan hak ekonomi dan hak moral seorang pencipta karya terjamin.

Seterusnya, perlindungan undang-undang menjamin hak pemilikan kepada pencipta ke atas karya ciptaan mereka. Dengan itu, mereka mempunyai autoriti eksklusif untuk melakukan sebarang bentuk urus niaga sejauh yang diizinkan oleh undang-undang manakala mereka yang melakukan pengeksploitasiannya secara tidak sah dan tanpa keizinan dapat disekat. Namun, di sebalik autoriti eksklusif ini, terdapat beberapa pengecualian diberikan kepada bukan pemilik hakcipta untuk

menggunakan karya tersebut tertakluk kepada syarat untuk tujuan yang wajar dan munasabah di samping tidak mengaut keuntungan semata-mata. Hal ini memberi peluang kepada masyarakat untuk memanfaatkan dengan sebaik-baiknya karya-karya hak cipta. Oleh itu, karya tersebut dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat di samping kepada pencipta itu sendiri.

Nota Hujung

1. Jeremy Phillips dan Allison Firth (1990), *Introduction to Intellectual Property Law*, 2nd edition, London, Brolin, Edinburgh: Butterworths, m.s 3.
2. Kertas kerja bertajuk: "The Roles of Government in Industrial Property Authoritic and The Legal Profession in Administering Industrial Property Right in Asia and The Pacific."
3. *Kamus Dewan* (1989), Cet. Pertama (Edisi Baru), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s 408.
4. Ibid, m.s 457.
5. Jeremy Phillips dan Allison Firth (1990), op.cit, m.s 3.
6. Ibid.
7. Hillary E Pearson, Clifford G. Miller (1990), *Commercial Exploitation of Intellectual Property*, Great Britain: Blackstone Press Limited, m.s 16.
8. Jeremy Philips dan Allison Firth (1990), op.cit, m.s 3.
9. Ibid, m.s 4.
10. Hillary E Pearson dan Clifford G. Miller (1990), op.cit, m.s 2-3.
11. M.L Blakeney dan J.Mckeough (1987), *Intellectual Property: Commentary and Materials*, Sydney: The Law Book Company Limited, m.s 1.
12. [1769] 4 *Burr* 2302 at 2334, 98 *ER* 201.
13. Sam Ricketson (Prof), "Introduction to Intellectual Property: Basic Notions of Copyright and Neighbouring Right," Kertas Kerja dibentang pada seminar Hakcipta dan Teknologi-teknologi Baru peringkat Kebangsaan pada 22-24 November 1994, Kuala Lumpur.
14. Jeremy Philips dan Allison Firth (1990), op.cit, m.s 106-107.
15. Ibid, m.s 107.
16. *Kamus Dewan*, op.cit, m.s 394.

:

17. Lihat *Buku Panduan Hakcipta*, diterbitkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan Kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, m.s 1.
18. R. Ramachandran (1978), *Copyright Law in Singapore*, Singapore: Malayan Law Journal PTE Ltd, m.s 2
19. *Akta Hakcipta 1987*, sek. 7(1).
20. Ibid, sek. 13 (1).
21. Attorney Stephen Fishman (1994), *The Copyright Handbook: How to Protect and Use Written Works*, 2nd edition, Berkeley: Nolo Press, m.s 2-3.
22. Robin Jacobs dan Danies Alexander (1993), *A Guide Book to Intellectual Property: Patents, Trade Marks, Copyright and Designs*, 4th edition, London: Sweet & Maxwell, m.s 16.
23. *Akta Hakcipta 1987*, sek. 1 (2).
24. Ibid, sek. 2 (1).
25. Ibid, sek. 2 (2).
26. R. Ramachandran (1978), op.cit, m.s 3.
27. Hak Paternity bermaksud hak untuk menuntut penciptaan sesuatu karya.
28. Hak Integrity bermaksud hak untuk mencegah perubahan atau apa-apa perbuatan yang mencacatkan sesuatu karya.
29. Warganegara termasuklah seseorang yang sekiranya dia masih hidup pada hari berkaitan, adalah layak menjadi warganegara di bawah Perlembagaan Persekutuan.
30. [1981] 2 *MLJ* 43.
31. [1985] *MLJ* 52.
32. *Akta Hakcipta 1987*, sek.4 (1) (a).
33. Ibid, sek. 4 (1) (b).
34. Ibid, sek.4 (1) (c) :

35. [1914] 2 Ch 728.
36. [1973] FSR 241.
37. *Akta Hakcipta 1987*, sek.7 (1).
38. [1974] 1 MLJ 28.

39. [1916] 2 Ch 601.
40. *Akta Hakcipta 1987*, sek. 7 (3) (a).
41. Rujuk kes *Plix Products Ltd v Frank M Winstone (Merchants)*, [1986] FSR 63 di mana hakim Pritchard menyebut bahawa tiada hakcipta pada idea.
42. [1880] 101 US 99.
43. Robin Jacobs dan Danies Alexander (1993), op.cit, m.s 5.
44. [1963] 1 Ch 587.
45. Sek.27(1) Akta Hakcipta 1987 memperuntukkan bahawa hakcipta boleh dipindah milik sebagaimana harta alih melalui penyerahan hak, pemberian berwasiat dan kuatkuasa undang-undang.
46. [1935] Ch 267.
47. *Akta Hakcipta 1987*, sek.25 (2a) dan (2b).
48. [1986] MLJ 376.
49. *Akta Hakcipta 1987*, sek. 7 (2)
50. Ibid, sek.3
51. Rujuk kes *University of London Press Ltd* [1916] 2 Ch 601 di mana Hakim Peterson menyebut bahawa karya sastera bermaksud karya yang dinyatakan secara bercetak atau bertulis.
52. [1984] 1 MLJ 105.
53. [1974] MLJ 28.
54. *Akta Hakcipta 1987*, sek. 7 (3) (a) dan (b).

55. [1986] 2 *CLJ*.
56. [1984] 1 *MLJ* 105.
57. Ibid.
58. *Akta Hakcipta 1987*, sek. 3.
59. Program komputer tidak diperuntukkan di dalam Akta Hakcipta sebagai karya hakcipta sebelum ini sehinggalah telah ditambah peruntukan sebagai termasuk di dalam karya sastera di bawah Akta Hakcipta 1987.
60. Dalam membezakan lagu dan lirik, rujuk kes *Rubens v Pathe Freves Pathephone Ltd* [1912] 29 *TLR* 174. Ia juga telah dijelaskan oleh tafsiran di bawah sek.3 sebagai termasuk di dalam karya sastera.
61. *Akta Hakcipta 1987*, sek. 7 (3) (a) dan (b).
62. Kes *Apple Corp v Lingasong* [1977] *FSR* 345.
63. Seni Ukir termasuk juga suatu acuan atau model yang dibuat bagi maksud sesuatu seni ukir.
64. *Akta Hakcipta 1987*, sek. 3
65. Ibid.
66. Ibid, sek. 7 (2).
67. [1984] *FSR* 358.
68. *Akta Hakcipta 1987*, sek.3.
69. [1985] 2 *MLJ* 35.
70. [1981] *RPC* 283.
71. *Akta Hakcipta 1987*, sek.3.
72. Ibid, sek. 15 (1)
73. Ibid, sek. 8 (1).

BAB DUA

KONSEP HAK CIPTA SEBAGAI TEORI HARTA INTELEK MENURUT UNDANG-UNDANG MALAYSIA.

2.1 Harta intelek: Satu pentakrifan.

Sebelum penulis meneliti dengan lebih mendalam tentang konsep hakcipta, adalah lebih baik untuk membincangkan tentang harta intelek terlebih dahulu secara umum memandangkan hakcipta juga termasuk sebagai salah satu daripada harta intelek.

Hakikatnya, harta intelek bukan lagi satu isu baru pada masa kini, bahkan ia sudah lama menjadi topik perbincangan ahli perundangan termasuklah ahli perundangan Malaysia. Fokus perbincangan mengenai harta intelek ini menjadi lebih ketara dalam era kemajuan Teknologi Maklumat (IT), khususnya pembangunan industri multi media.

Undang-undang Inggeris mengiktiraf harta intelek sebagai harta dan dikenali di dalam bahasa Inggerisnya sebagai *Intellectual Property*. Istilah *property* adalah berasal dari bahasa Latin iaitu *proprious* yang membawa maksud kepunyaan seseorang.¹ Oleh itu, pemunya ialah orang yang paling berhak terhadap